

Headline	Peka gesa kerajaan negeri bantu usaha pulihara hutan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 May 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	12	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,059
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,177



## Peka gesa kerajaan negeri bantu usaha pulihara hutan

SHAH ALAM - Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) akan terus memperjuangkan usaha untuk memelihara hutan di negara ini yang dilihat semakin terancam.

Peka juga akan terus berunding dengan semua pihak termasuk kerajaan negeri dan pihak berkaitan bagi memastikan agenda pemuliharaan hutan direalisasikan.

Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, kemusnahan hutan bukan sahaja mengganggu ekosistem alam sekitar, malah turut menyebabkan perubahan cuaca yang teruk. "Kita boleh lihat kesannya apabila beberapa sungai menjadi ce-

tek manakala kawasan tadahan air bersih terus menjadi ancaman kepada seluruh rakyat di negara ini.

"Contohnya seperti yang berlaku terhadap Sungai Pahang yang mana ia terjejas teruk akibat kesan kemusnahan hutan. Isu-isu seperti ini harus kita perjuangkan sebelum ia menjadi parah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Peka dan Yayasan Sukan dan Kecergasan Wanita (WSFFM) di Wisma Tanah Aina di sini semalam.

Dalam mesyuarat tersebut, Ahli Jawatankuasa Peka telah memutuskan untuk menyerahkan memorandum banta-

han kepada Majlis Raja-Raja berhubung isu pemuliharaan hutan.

Menurut Shariffa Sabrina lagi, kemusnahan hutan jika tidak dikawal bakal memberi kesan kepada generasi akan datang.

"Berdasarkan penyelidikan Peka, beberapa kawasan hutan telah terjejas teruk seperti Ulu Tembeling dan Lesong di Pahang, Lojing (Kelantan) dan Ulu Muda (Kedah).

"Pihak Peka juga akan cuba mendapatkan kerjasama daripada mana-mana pihak termasuk kerajaan negeri dalam usaha mengembalikan kawasan hutan yang telah musnah," jelasnya.

Sementara itu, beliau yang juga Presiden WSFFM memberitahu bahawa pihaknya akan mengadakan satu program iaitu Merapoh Forest Run pada 3 September depan sebagai salah satu program kesedaran alam sekitar terhadap orang ramai.



SHARIFFA SABRINA



SHARIFFA SABRINA (tengah) bersama beberapa aktivis alam sekitar melihat keadaan air Sungai Tembeling yang cetek pada Misi Selamatkan Hutan Tadahan Air Negara di Ulu Tembeling, Pahang baru-baru ini.

Headline	BN Selangor serah tujuh nama calon PRK Sungai Besar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 May 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	4	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	226 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,888
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,663



## BN Selangor serah tujuh nama calon PRK Sungai Besar



NOH (dua dari kanan) melakukan gimik pelancaran Hari Belia Negara peringkat negeri sambil diperhatikan oleh Pengerusi Majlis Belia Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim (tiga dari kanan) di Kolej Matrikulasi Kuala Langat, Selangor semalam.

**KUALA LANGAT** – Barisan Nasional (BN) Selangor sudah menyerahkan tujuh nama calon kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi dipilih untuk bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar, Selangor baru-baru ini.

Menurut Pengerusi BN Selangor, Datuk Seri Noh Omar, nama-nama calon tersebut merupakan senarai yang dianggap memenuhi kriteria pilihan pucuk pimpinan.

“Apa yang boleh saya katakan, senarai tujuh calon tersebut adalah lengkap dari segala segi seperti calon muda, berusia, berpengalaman dan mempunyai ilmu pendidikan yang baik.

“Sebagai contoh, calon termuda adalah berusia 30 tahun, ada juga calon berusia 32 tahun dan paling tua kita tampilkan calon berusia 60 tahun un-

tuk dipertimbangkan,” katanya selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Hari Belia Negara peringkat negeri di Kolej Matrikulasi Kuala Langat di sini semalam.

Noh berkata, dalam senarai nama tersebut turut disertakan seorang calon wanita untuk dipertimbangkan bagi mewakili BN pada PRK Parlimen Kuala Selangor yang dijadualkan 18 Jun ini.

“Kita tunggu siapa calon yang akan dipilih oleh Datuk Seri Najib sebagai Pengerusi BN. Kita pada dasarnya telah bersedia dari segi jentera untuk berkembang pada PRK Sungai Besar,” katanya.

PRK Sungai Besar bakal diadakan pada 18 Jun ini setelah penyandang kerusi Parlimen Sungai Besar, Datuk Noriah Kasnon terkorban dalam kemalangan helikopter di Sarawak baru-baru ini.

Headline	Dakwaan Rafizi bukti Selangor tak telus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	7	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	83 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,507
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,520



# Dakwaan Rafizi bukti Selangor tak telus

**Banting:** Pendedahan Naib Presiden merangkap Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli, mengenai wujud rasuah seks dan wang dalam kerajaan Selangor membuktikan pentadbiran negeri ini tidak setelus seperti didakwa.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Datuk Seri Noh

Omar ketika ditemui pemberita semalam, berkata pendedahan itu bukan kali pertama dibuat seseorang dalam PKR dan ia menunjukkan pentadbiran PKR di Selangor sebenarnya tidak bersih.

“Bukan orang UMNO yang buat (pendedahan). Dahulu, pendedahan dibuat Chegu Bard

(bekas Ketua Cabang PKR Rembau, Badrul Hisham Shaharin) mengenai kontraktor dapat kerja balak.

## Hanya tutup kelemahan

“Ini menunjukkan kerajaan PKR Selangor bukan telus, bukan bersih, tapi hanya mahu tutup (kelemahan).

“Saya minta rakyat Selangor buka mata. Kalau sesama sendiri tak boleh urus Selangor dengan baik, bagaimana negeri ini boleh dimajukan?” katanya mengulas dakwaan Rafizi mengenai permintaan untuk mendapatkan wang dan wanita ketika berurusan dengan kerajaan Selangor.

Headline	DAP bidas sikap PAS isu kerusi PRK		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	156 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,832
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,496



## SUNGAI BESAR

# DAP bidas sikap PAS isu kerusi PRK

**Kuala Lumpur:** Keputusan PAS menutup pintu rundingan dalam isu pembahagian kerusi Pilihan Raya Kecil (PRK) menunjukkan parti itu sudah menolak rakan parti pembangkang lain dan lebih cenderung untuk menyelamatkan UMNO.

Pengerusi DAP Perak, Nga Kor Ming, mendakwa PAS tahu, pertembungan tiga penjurur di antara Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) dan parti itu hanya akan menguntungkan BN tetapi PAS tetap enggan berunding.

“Sikap sedemikian menunjukkan PAS mahu menggagalkan usaha PH untuk mengalahkan UMNO. Pelik kerana tujuannya berpolitik bukan untuk menang tetapi ingin menjadi ‘sekutu sulit’ UMNO-BN.

### Cenderung selamatkan UMNO

“Adalah lumrah bagi mana-mana parti politik membuat rundingan, tetapi sikap tutup pintu Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang, menunjukkan PAS sudah menolak parti pembangkang (lain) dan lebih cenderung menyelamatkan UMNO,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan sebagai reaksi balas terhadap kenyataan Abdul Hadi kelmarin yang PAS tidak akan berunding, sebaliknya kekal dengan keputusan untuk bertanding di dua PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar pada 18 Jun depan.

Sungguhpun PAS kini tidak lagi berminat dengan pakatan PKR-DAP-PAN, Kor Ming berkata, rakyat Malaysia tetap berhak untuk mendapat satu barisan alternatif yang lebih mampan untuk menggantikan BN.

“Oleh itu, disyorkan PH meletak calon terbaik di dua PRK berkenaan supaya rakyat mempunyai peluang memilih siapa yang paling layak mewakili mereka di Parlimen.

Abdul Hadi kelmarin menyatakan parti itu sudah menutup pintu rundingan dengan parti pembangkang lain dalam isu pembahagian kerusi PRK, bersandarkan pendirian bahawa kedua-dua kerusi itu secara tradisinya ditandingi PAS pada beberapa Pilihan Raya Umum (PRU) sebelum ini.

Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebelum ini menyatakan kesediaannya untuk bertemu Abdul Hadi bagi berunding mengenai pembahagian kerusi pada PRK kali ini, dengan harapan akan ada ‘keputusan positif’ diperoleh empat parti pembangkang itu.

Headline	BN Selangor cadang 7 nama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	474 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rafidah Mat Ruzki	AdValue	RM 16,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,018



## SUNGAI BESAR

# BN Selangor cadang 7 nama

➔ Semua calon berkelayakan, disaring agensi berkaitan

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

### ► Banting

**S**eorang wanita adalah antara tujuh nama yang dicadangkan bagi calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar yang diserahkan Barisan Nasional (BN) Selangor kepada pucuk pimpinan parti untuk dipertimbangkan.

Tanpa menyebut nama calon, Pengerusi BN Selangor, Datuk Seri Noh Omar, berkata mereka terdiri daripada individu yang berusia antara 30 tahun hingga 60 tahun.

“Terpulang kepada pucuk pimpinan, nak orang muda ada yang berusia 30 tahun, ada yang 32 tahun. Nak wanita pun ada.

Nama mereka saya hantar menerusi UMNO Bahagian Sungai Besar dan mereka juga mempunyai kelulusan (akademik).

### Buat keputusan terbaik

“Saya percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, akan buat keputusan terbaik dan saya lihat kali ini bukan sahaja calon boleh menang, sebaliknya turut boleh diterima rakyat,” katanya kepada media selepas merasmikan sambutan Hari Belia Negara peringkat Selangor di Kolej Matrikulasi Selangor di sini, semalam.

Noh berkata, pada masa ini calon yang dicadangkan menjalani saringan daripada pelbagai agensi dan beliau yakin kali ini bakal calon memenuhi kehendak rakyat.

Katanya, jentera pilihan raya BN sudah bersedia dan bersemangat untuk mengekalkan kedudukan BN di Sungai Besar.

“Saya tak nampak ada kumpulan atau mana-mana pihak yang cuba sabotaj, selain yakin

mereka boleh terima sesiapa sahaja yang dijadikan calon,” katanya.

### Program rumah ke rumah

Sementara itu, Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), Datuk Seri Mah Siew Keong, berkata jentera parti itu akan memberi tumpuan kepada program rumah ke rumah berbanding jamuan besar-besaran.

Katanya, program mewah sedemikian dilihat tidak lagi efektif dalam usaha mendekati pengundi bagi menghadapi pilihan raya.

“Program jamuan yang dihadiri ramai pengunjung tidak dapat memberi penjelasan yang tepat kepada golongan sasaran berbanding program turun padang bertemu pengundi.

“Strategi bertandang dari rumah ke rumah yang dilaksanakan sejak semalam (kelmarin) di Sekinchan ternyata lebih berkesan, terutama apabila saya sendiri mempraktikkan gerak kerja itu ketika menjadi calon BN memenangi PRK Parlimen Teluk Intan pada 31 Mei 2014,” katanya ketika merasmikan Bilik Operasi GERAKAN di Sekinchan, semalam.

**Fakta nombor**

42,836

**PEMILIH**

di Sungai Besar berdasarkan daftar pemilih induk 2015 yang diwartakan pada 9 Mac 2016

Headline	BN Selangor cadang 7 nama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	474 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rafidah Mat Ruzki	AdValue	RM 16,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,018



**Noh (tengah) dan Presiden Majlis Belia Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim (lima dari kiri) bersama penerima anugerah sempena Hari Belia Negara peringkat Negeri Selangor di Banting, semalam.**

Headline	DAP bidas sikap PAS isu kerusi PRK		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	156 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,832
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,496



Sikap tutup pintu Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang, menunjukkan PAS sudah menolak parti pembangkang (lain) dan lebih cenderung menyelamatkan UMNO”

***Nga Kor Ming,***  
*Pengerusi DAP Perak*



23 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: NUR HASMIRA MOHAMAD dan SUFI NAZ • Section: General News

Page: N12 • Printed Size: 319.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color

Ad Value: MYR 2,619.48 • PR value: MYR 7,858.44 • Item ID: MY0026082794



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# Majlis Syura telah lulus nama calon potensi

Oleh NUR HASMIRA MOHAMAD dan SUFI NAZ

**KUALA LUMPUR:** Berbeza parti tidak menghalang PAS Selangor melaksanakan tugas di Jabatan Kementerian malah hubungan kerjasama yang berlaku dengan parti lain adalah hubungan langsung antara manusia dan tiada unsur fahaman perbezaan politik demi memberi khidmat terbaik kepada rakyat Sungai Besar.

“Berkenaan parti kita letak ke tepi dahulu apa yang akan berlaku dan sebagainya, khususnya untuk menghadapi PRK Sungai Besar nanti,” kata Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian Dan Industri Asas Tani Selangor dan Yang Dipertua PAS kawasan Selayang, Zaidy Abdul Talib.

Menurutnya, penduduk Sungai Besar setakat ini masih lagi belum dikejutkan dengan pertembungan-pertembungan yang tidak sihat malah masyarakatnya sentiasa memberikan kerjasama tanpa mengira kaum dan agama.

“Cina pun tidak ada masalah di sini, mereka tahu

kita kerajaan negeri, mereka sokong dan berdiri teguh di bawah kerajaan sedia ada sekarang ini.

“Tapi memang kita cukup risau bila berlaku pertembungan nanti kita kena pandai mengolah supaya mereka ini faham dan bijak untuk menerima apa rasionalnya berlaku perkara tersebut. Itu prosesnya yang akan kita lalui,” katanya.

Beliau yang juga berkata demikian ketika ditemui *Harakah* pada Program Jelajah Sehari bersama MB Selangor di Parlimen Sungai Besar pada 15 Mei lalu yang bermula dari Sungai Panjang sehingga ke Sekinchan.

“Lepas ini banyak lagi program-program Exco, khususnya Exco pertanian adalah PAS, Exco Desa pun PAS jadi dua ini portfolio sangat signifikan dan memainkan peranan yang sangat penting dalam PRK kali ini sebab ia melibatkan banyak kawasan pertanian dan kawasan desa dan sebagainya.”

Walau bagaimanapun, ujarnya beliau amat berharap sama sekali tidak

akan berlaku pertembungan tiga penjuruan pada PRK Sungai Besar nanti yang dijadikannya hari pengundiannya pada 18 Jun nanti.

Majlis syura ulama sebelum ini telah meluluskan beberapa nama calon yang berpotensi untuk bertanding pada pilihan raya Sungai Besar sebelum tibanya hari penamaan calon iaitu pada 5 Jun.

Dalam pada itu, Zaidy menyatakan bahawa menyelesaikan permasalahan rakyat adalah merupakan tuntutan agama dan sebahagian daripada ibadah sepertimana yang disebut, “Kebijakan seorang pemimpin itu di atas rakyatnya bilamana ia dapat menyelesaikan permasalahan rakyat.”

Beliau menyarankan agar permasalahan dari sudut tanggungjawab sebagai Ketua Blok diajukan bagi mencari jalan penyelesaian bersama.

Menurut beliau Ketua Blok di Selangor khususnya kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor mendapat elaun daripada

kerajaan negeri.

Perkara ini menjadikan Selangor sebagai satu-satunya negeri yang memberikan elaun kepada ketua blok, berbeza dengan negeri-negeri lain. Ia adalah sebagai tanda terima kasih kerajaan negeri membebankan pembayaran elaun ketua blok sebanyak RM429,600 belanja setiap tahun.

Beliau turut berharap hasil daripada turun padang dalam majlis itu dapat menghimpunkan idea-idea baik yang boleh dilaksanakan dengan izin Allah.

Turut hadir sama adalah Ahli Dewan Negeri Sabak Ustaz Sallehen Mukhyi, Pengerah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Hashim Osman,

Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Selangor Tuan Haji Idrus Abdul Hamid, Penyelaras Dewan Negeri Kawasan Sungai Panjang Ustaz Razali, Ustaz Farid Zainal, Ahli Majlis, ketua kampung dan penghulu kawasan sekitar Sungai Besar.



# Akar umbi PKR desak Azmin berundur

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN  
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 22 MEI

**A**KAR umbi PKR dikatakan mahu Timbalan Presiden mereka, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berundur berikutan Menteri Besar itu didakwa semakin tamakkan kuasa sehingga menyebabkan parti tersebut semakin lemah.

Timbalan Presiden Gagasan Solidariti Rakyat Selangor, Hanisya Abdul Hamid mendakwa, Mohamed Azmin adalah punca PKR kian lemah dan berpecah dengan kartel-kartelnya kini sedang mempergiatkan aktiviti untuk mengambil alih pucuk kepemimpinan parti.

Dakwanya, perancangan dan gerakan tersebut dilakukan melalui pihak dalaman parti dengan kerjasama serta bantuan daripada pihak luar yang secara tidak langsung seperti bersekongkol de-

ngan Tun Dr. Mahathir Mohamad. “Dulu alasan dan justifikasi singkirkan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim daripada kerusi Menteri Besar dan memecatnya sebagai ahli PKR kerana kemerosotan hubungannya dengan parti.



MOHAMED AZMIN ALI

“Pergolakan sejak akhir-akhir ini yang melanda dan merempuh PKR akibat ketamakan kuasa Mohamed Azmin dan percaturan politik Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli telah memaksa Penasihat parti itu, Anwar Ibrahim memberi peringatan melalui surat dari penjara.

“Kepemimpinan terpaksa bertindak tegas bagi menyelamatkan parti kerana rakyat yang mendokong, menyokong terutamanya anggota parti yang waras fikiran dan berjiwa merdeka sedang menunggu dan memerhati dengan penuh sabar dan teliti,” katanya yang juga ahli PKR kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Hanisya mendakwa, Mohamed Azmin

kini sering membuat keputusan membelakangi Presiden parti, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail dan seolah-olah beliau Presiden PKR.

“Segala kuasa dan pengaruh sebagai Menteri Besar dipegang secara maksimum demi memastikan cengkamannya kepada parti semakin kuat.

“Buktinya, pemilihan ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadi kecoh dan kontroversi baru-baru ini matakala rata-rata pimpinan PKR peringkat cabang kini 89 peratus adalah pengikut dan penyokong tegar Mohamed Azmin,” jelasnya.

Dakwanya, tindak tanduk Mohamed Azmin yang langsung tidak patuh dengan kehendak parti menyebabkan keadaan PKR dari hari ke hari semakin meruncing dengan akar umbi semakin jauh terpisah dengan kepimpinan di semua peringkat.

“Kalau parti terus membusu, memekakkan telinga dan menutup mata tanpa ambil peduli, maka tunggu sahaja saat dan ketikanya rakyat akan ajar cukup-cukup apabila tiba pilihan raya,” ujarnya.



## Kumpulan pro-Azizah mahu tumbangkan Azmin?

**SHAH ALAM 22 Mei** - Krisis dalaman yang sedang melanda PKR dipercayai dicetuskan oleh golongan yang pro kepada Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai tindakan balas berikutan Presiden parti itu tidak dilantik sebagai Menteri Besar, sebelum ini.

Menjelang Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar pada 18 Jun ini, golongan berkenaan dilihat cuba mencari peluang untuk menjatuhkan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dengan mengucar-ngacirkan kepimpinan parti.

Presiden Gerakan Reformasi

Rakyat Malaysia (Reformis), Ramlan Abu Bakar berkata, umum mengetahui terdapat dua pasukan dalam PKR iaitu masing-masing berpihak kepada Wan Azizah dan Mohamed Azmin.

"Semua sudah tahu yang Wan Azizah dan Mohamed Azmin memang tidak 'sebulu' sejak krisis Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dijatuhkan sebagai Menteri Besar dahulu.

"Ada golongan dalam PKR mendakwa jawatan Menteri Besar



WAN AZIZAH

sepatutnya diberikan kepada Wan Azizah namun tidak dilayan sebaliknya yang dilantik adalah Mohamed Azmin.

"Justeru, kemarahan yang masih membara itu diambil kesempatan oleh pasukan Wan Azizah untuk membalas dendam selepas beberapa cubaan

untuk mendedahkan kelemahan pentadbiran Mohamed Azmin seolah-olah tidak berjaya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



23 May 2016  
Harakah, Malaysia

Author: NUR HASMIRA MOHAMAD dan SUFI NAZ • Section: General News  
Page: N12 • Printed Size: 319.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color  
Ad Value: MYR 2,619.48 • PR value: MYR 7,858.44 • Item ID: MY0026082794



[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**Zaidy berucap dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Ketua Blok di Dewan Sri Bernam, Sungai Besar Selangor.**



23 May 2016  
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N20  
Printed Size: 200.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color  
Ad Value: MYR 1,642.31 • PR value: MYR 4,926.93 • Item ID: MY0026082879

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

# PRK Sungai Besar penentu potensi PAS

**SUNGAI BESAR:** Naib Presiden PAS, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, Pilihan raya kecil Parlimen Sungai Besar amat penting bukan sahaja untuk PAS Selangor tetapi PAS keseluruhan.

Katanya, jentera PAS yang diamanahkan bertugas di Parlimen Sungai Besar perlu menumpukan perhatian kepada tugas masing-masing dan tidak terganggu dengan pelbagai kontroversi yang melanda.

Beliau, yang juga Pesuruhjaya PAS Selangor menegaskan, keputusan PAS untuk bertanding di Parlimen Sungai Besar wajar kerana ia merupakan kawasan tradisi PAS sejak tahun 50-an.

“Keputusan PAS untuk bertanding di Sungai Besar seharusnya dihormati oleh



**Dato' Iskandar Abdul Samad bersama Bendahari PAS Selangor, Zaidy Abdul Talib bersama masyarakat pada majlis Minum petang di Sungai Besar.**

semua pihak,” katanya ketika berucap di taklimat jentera pilihan raya PAS Selangor di Sungai Besar.

Beliau menegaskan semua jentera PAS perlu bekerja untuk menangkan

calon PAS.

“Saya yakin rakyat akan menolak calon BN (Umno) yang dibelenggu dengan pelbagai masalah,” tegasnya.

Menurut beliau, jentera

PAS di semua peringkat dan negeri telah bersedia untuk membantu jentera PAS Selangor bagi memenangkan calon PAS.

Turut hadir pada taklimat, Timbalan Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS Pusat, Dr Wan Nik Wan Yusoff dan Pengarah Pilihan raya PAS Selangor, Mohd Haslin Hassan.

Pada Pilihan Raya Umum ke-11, Dato' Noriah Kasnon menang dengan majoriti 7,349 undi berbanding calon PAS, Ustaz Sallehen Mukhyi.

Manakala Pilihan raya Umum ke-12 pada tahun 2008, calon PAS, Ustaz Osman Sabran (11,060) dapat mengecilkan majoriti 5,009.

Pilihan raya Umum ke-13, calon PAS, Mohamed Salleh M Husin dapat mengecilkan majoriti 399.



23 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement 1 • Page: F16

Printed Size: 345.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white  
Ad Value: MYR 2,418.32 • PR value: MYR 7,254.96 • Item ID: MY0026083293

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 2

# PAS paling layak bertanding Sungai Besar



**H**ARI penamaan calon bagi Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar, Selangor adalah pada hari Ahad 5 hari bulan Jun ini. Ia serentak dengan PRK Parlimen Kuala Kangsar di Perak.

BN memenangi Parlimen Sungai Besar ini dalam Pilihan Raya Umum ke-13 tahun 2013 lalu apabila calon Umno menang mengalahkan calon PAS dengan kelebihan 399 undi.

Kerusi Parlimen Sungai Besar ini diwujudkan setelah bilangan kerusi Dewan Rakyat ditambah dari 193 kerusi pada Pilihan Raya Umum 1999 ke 222 kerusi. Dan sejak Pilihan Raya Umum 2004 sehinggalah Pilihan Raya Umum 2013 baru-baru ini, PASlah yang telah meletakkan calon-calonnya bagi kerusi Parlimen ini dan Dun Sungai Panjang di bawahnya.

Mengikut konvensyen mana-mana kerusi yang ditandingi oleh satu-satu parti dalam mana-mana pakatan atau gabungan politik di Malaysia, lazimnya bila ada kekosongan atau pilihan raya kecil, maka parti berkenaanlah yang akan meletakkan calon.

Contohnya 10 pilihan raya kecil telah diadakan sebelum ini iaitu sejak Pilihan Raya Umum 2013 iaitu di Dewan Undangan Negeri (Dun) Kuala Besut, Terengganu (24 Julai 2013); PRK Dun Sungai Limau, Kedah (4 Nov 2013); PRK Dun Kajang, Selangor (23 Mac 2014); PRK Dun Balingian, Sarawak (29 Mac 2014); PRK Parlimen Bukit Gelugor, Pulau Pinang (25 Mei 2014); PRK Parlimen Teluk Intan, Perak (31 Mei 2014); PRK Dun Pengkalan Kubor, Kelantan (25 Sept 2014) dan

PRK Dun Chempaka, Kelantan (22 Mac 2015); PRK Parlimen Rompin, Pahang (5 Mei 2015); dan PRK Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang (7 Mei 2015).

Tidak pernah berlaku pertukaran atau perundingan tukar kerusi di peringkat pilihan raya kecil melainkan sewaktu Pilihan Raya Umum.

Itu pun semasa pilihan raya negeri Sarawak contohnya baru-baru ini perubahan "status quo" sesuka hati telah membawa kepada perbalahan dan pertandingan pelbagai penjurus sehingga akhirnya merugikan pembangkang.

Sungai Besar adalah kerusi tradisional PAS. PAS bertanding

dalam pilihan raya umum 2004, 2008 dan 2013 di sini. Setiap kali bertanding setiap kali itulah majoriti BN berjaya dikurangkan.

Lalu sesungguhnya tidak ada sebab yang rasional dan berasas buat PAS memberi laluan kepada mana-mana pihak untuk bertanding di kerusi ini, dalam PRK ini.

Sewaktu saya menulis artikel ini jentera pilihan raya PAS negeri, jentera penerangan PAS negeri selain jentera pilihan raya PAS Sungai Besar telah diaktifkan dan bermesyuarat saban hari. PAS sudah mula mengerahkan kekuatannya, dan seluruh ahli dan penyokong parti sudah bersedia menggalas tanggungjawab bagi menghadapi PRK ini dengan PAS mewakili pihak pembangkang.

Adalah anti klimaks kiranya di peringkat ini atas sebab sekalipun PAS tiba-tiba memberi laluan ke pihak lain untuk bertanding. Sudah

pasti moral dan semangat ahli-ahli akan tercalar.

Maruah dan kredibilit pimpinan perlu dijaga khasnya pimpinan PAS di Selangor dan di Parlimen Sungai Besar. Harga diri dan hati serta perasaan para ahli perlu dipelihara.

Membuat keputusan membelakangkan kesungguhan dan kehendak akar umbi, adalah mengundang bahaya.

Saya percaya keputusan PAS untuk meletakkan calon di Parlimen Sungai Besar dan di Kuala Kangsar, bukanlah atas dorongan nafsu atau mahu mencabar sesiapa dalam kelompok pembangkang, tetapi hakikatnya kerusi ini sejak 2004 lagi merupakan kerusi yang PAS tandangi lantas keputusan PAS perlu dihormati dan kiranya benar wajar dibantu oleh semua pihak khasnya dalam mahu menumbangkan BN.

PAS punya kekuatan di Sungai Besar, lengkap dengan cawangan-cawangan dan rekod perkhidmatan yang diketahui dan diiktiraf rakyat. Sungai Besar merupakan satu medan yang cukup dikenali PAS dan kiranya PAS diberi laluan untuk bertembung satu lawan satu menentang BN, tidak mustahil satu kejutan bakal dicipta di sini.

Tetapi desas-desus yang bertiuip kencang kebelakangan ini seolah memberi isyarat bahawa satu usaha sedang digerakkan untuk "memaksa" PAS tidak bertanding di Sungai Besar. Jika benar perkara ini maka ia sesuatu yang amat malang dan pasti mencetuskan konflik yang lebih besar yang bakal merugikan banyak pihak.



23 May 2016  
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement 1 • Page: F16  
Printed Size: 345.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white  
Ad Value: MYR 2,418.32 • PR value: MYR 7,254.96 • Item ID: MY0026083293

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Ahli-ahli PAS yang ditarbiyah oleh pimpinan khasnya para ulamanya tidak pernah tunduk pada paksaan walaupun ia terpaksa dibayar dengan harga yang mahal. Sejarah politik Malaysia boleh membuktikan betapa PAS sentiasa istiqamah dan bersama pimpinannya walaupun terpaksa mengikat perut dan menyingsing lengan.

Hari penamaan calon tinggal beberapa hari sahaja lagi, namun masih ada ruang untuk semua pihak bertindak rasional, berbincang dan mengatur strategi sebijak mungkin.

PAS bertegas bertanding di Sg Besar kerana ia kerusi "*status quo*" PAS dan selain itu PASlah dengan kekuatan dalaman dan jentera tempatan yang mantap diyakini punya potensi besar dan terbaik untuk menumbangkan BN.

Apa pun keputusan PAS Pusat akan dijunjung dan dilaksanakan oleh ahli-ahli PAS pelbagai peringkat dan sebagaimana dinyatakan oleh AJK PAS Pusat Ustaz Dato' Dr Khairuddin at-Takiri di dalam tulisan di Facebook beliau, ahli-ahli PAS perlu bertawakal kepada Allah SWT. PAS membawa mesej dakwah dan politik Islam. Tidak ada orang yang rugi jika membawa mesej ini.



23 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: SUFI NAZ • Section: General News • Page: N12 • Printed Size: 155.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,293.00  
PR value: MYR 3,879.00 • Item ID: MY0026082795



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Rasmi Megaklinik Zahran Bandar Baru Bangi

Oleh SUFI NAZ

**KUALA LUMPUR:** Adun Bangi Tuan Mohd Shafie Ngah telah merasmikan Megaklinik Zahran yang terletak di Plaza Paragon Point, Seksyen 9 Bandar Baru Bangi, Selangor pada 18 Mei yang lalu.

Ia disusuli oleh sesi gimik perasmian dan mini lawatan megaklinik tersebut. Ahli Lembaga Pengarah Poliklinik Azzahrah Bandar Baru Bangi Sdn Bhd, Dr Ahmad Syukri Jamaludin merangkap Ketua Pegawai Perubatan Megaklinik Zahran amat berbesar hati atas kehadiran semua pihak yang menayakan majlis perasmian itu.

Megaklinik Zahran adalah sebuah klinik swasta berkonsep megaklinik pertama di Malaysia, mempunyai kemudahan atau facilities lengkap seperti makmal perubatan, kemudahan x-ray, farmasi dan bilik rawatan. Berukuran 4485 kaki persegi, ia adalah sebuah klinik yang beroperasi 24 jam setiap hari dan mampu menampung 600 orang pesakit pada sa-



**Shafie Ngah serta delegasi beliau sedang diberi taklimat dalam sesi Mini Lawatan Megaklinik Zahran.**

tu-satu masa.

Ia juga merupakan klinik panel yang menjadi pilihan lebih 300 buah syarikat di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Selain itu, ia menawarkan khidmat 5 orang pegawai perubatan, 10 orang doktor tetap dan lebih 90 orang doktor locum yang berpengalaman.

Megaklinik swasta itu juga menyuntik kelainan apabila ia menyediakan perkhidmatan pendaftaran secara atas talian di mana para pesakit boleh meng-

hubungi pihak klinik untuk mendaftarkan diri terlebih dahulu sebelum datang mendapatkan rawatan.

Kaedah ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan kerana ia secara tidak langsung dapat mengurangkan masa menunggu para pesakit di klinik.

Turut hadir sama Ketua Pegawai Operasi Megaklinik Zahran Nafidz Abdul Razak, Pengarah Media Aman Palestin Ustaz Anas Wahab serta selebriti TV dan Duta Aman Palestin Farrah Adeeba.



23 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: Roy Rasul • Section: General News • Page: N9 • Printed Size: 130.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 911.25  
PR value: MYR 2,733.75 • Item ID: MY0026082697



[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal.com)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Biar PAS lumpuhkan Umno-BN

Oleh **ROY RASUL**

KUALA LUMPUR: Kemenangan boleh dicipta dengan mudah jika PAS sahaja menentang BN dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P093 Sungai Besar, pada 18 Jun ini, kata Ketua Dewan Muslimat PAS Selangor, Wan Hasrina Hassan.

Justeru katanya, tidak perlu lagi parti lain termasuk Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau Amanah bertanding dalam PRK tersebut.

Ini katanya, kerusi Sungai Burung telah lama ditandingi PAS.

“Sekiranya mahu melumpuhkan BN, tidak perlu PKR atau Amanah perlu bertanding,” katanya kepada Harakah, 20 Mei lalu.

Oleh kerana itu katanya, Dewan Muslimat PAS mula turun padang untuk bertemu pengundi di Sungai Besar.

Setakat ini katanya, jentera PAS telah bersiap sedia di samping dibantu jentera tempatan Parlimen Sungai Besar.

Di samping itu katanya, turut dibantu jentera daripada negeri selu-



**Wan Hasrina Hassan**

ruh kawasan di negeri Selangor.

Katanya, negeri-negeri terlibat pula, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Johor dan Wilayah Persekutuan.

“Di sudut jentera kita membawa mesej parti kepada pengundi-pengundi.

“Oleh itu dari sudut isu persiapan setakat ini hampir selesai,” katanya lagi.



23 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: Nur Hasmira Mohamad • Section: General News • Page: N9  
Printed Size: 198.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white  
Ad Value: MYR 1,387.90 • PR value: MYR 4,163.70 • Item ID: MY0026082698

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

# PAS tetap bertanding, bersaing parti serpihan

Oleh **NUR HASMIRA MOHAMAD**

KUALA LUMPUR: PAS telah lama bersiap siaga untuk berhadapan dengan bahang kehangatan Pilihan Raya Kecil Kuala Kangsar (PRK) yang dijangkakan hari pengundiannya pada 18 Jun ini, demikian kata Pesuruhjaya PAS Negeri Perak, Razman Zakaria.

Beliau yang dihubungi *Harakah* pada 20 Mei lalu turut berkata, ahli-ahli PAS dan jawatankuasa PAS Perak juga sentiasa bersedia untuk memberikan sokongan penuh serta membantu calon yang akan dipertandingkan pada PRK Kuala Kangsar nanti.

“Siapa jua calon yang akan diputuskan atau dipertandingkan oleh PAS Pusat maka kita sentiasa bersedia untuk membantu calon tersebut,” katanya.

Beliau berkata PAS di Perak akan tetap bertanding meskipun sekiranya mereka terpaksa bersaing dengan parti serpihan PAS iaitu Amanah dan ia tidak akan sesekali mengganggu gerak kerja PAS Perak berkempen pada pilihan raya Kuala Kangsar.

“Tidak ada ancaman, bila kita menetapkan bahawa PAS akan bertanding maknanya kita teruskan dengan keupayaan yang kita



**Razman Zakaria**

ada. Kita tidak memikirkan siapa jua yang berlawan dengan kita.

“Jadi kita hanya fokus kepada kerja kita untuk bertanding, kita mengikut prosedur pertandingan dan kita terus bersedia untuk pertandingan. Kita tidak membiarkan lawan,” katanya.

Ujarnya, PRK Kuala Kangsar ini adalah garis penamat kepada Parti Amanah Negara (PAN) yang mana isu rampasan kuasa kesan daripada tiga Ahli Dewan Undangan Negeri telah lompat parti masih segar diingatan orang Perak.

Tambahnya, kini 13 aktivis, orang kena zalim (okz) telah dipenjarakan kerana berdemo di hadapan istana manakala PAN pula terdiri daripada mereka yang telah lompat parti tidak mungkin akan mendapat kepercayaan pengundi Perak.

“Tambah pula PAN Perak merupakan mereka yang gagal mengekalkan kerajaan Perak selama 11 bulan dan merupakan pimpinan yang menyumbang kepada kegagalan PRU ke-13. PAN juga tidak mempunyai matlamat yg jelas dan dilihat sebagai unta DAP. Kalau PAN tidak hilang wang pertaruhan itu, dikira sudah berjaya!” katanya.

PRK Kuala Kangsar diadakan berikutan kematian ahli parlimen Kuala Kangsar, Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad yang terkorban kerana terlibat dalam nahas helikopter di Batang Lupar, Sebuyau Sarawak pada 5 Mei lalu.

Ekoran itu, Suruhan Jaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan bahawa 5 Jun adalah hari penamaan calon manakala 18 Jun ditetapkan sebagai hari pengundian. Pada hari tersebut juga ialah merupakan hari pengundian di PRK Sungai Besar, Selangor.



23 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: Mohd Ridhuan Che Husin • Section: General News • Page: N20  
Printed Size: 175.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color  
Ad Value: MYR 1,459.00 • PR value: MYR 4,377.00 • Item ID: MY0026082880

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1



**Adun Gombak Setia, Ustaz Hasbullah menyampaikan cenderhati kepada Pegawai Bomba sempena Hari Bomba kawasan Gombak.**

## Bomba terharu penghargaan Adun Gombak Setia

**Oleh MOHD RIDHUAN CHE HUSIN**

**SELAYANG:** Adun Gombak Setia, Ustaz Hasbullah Mohd Ridzwan memuji tindakan pantas anggota Bomba menjalankan tugas serta menyelamatkan nyawa manusia ketika berlaku kebakaran.

Katanya, tindakan pantas tersebut tidak dapat dilakukan oleh orang biasa dan selama ini anggota Jabatan Bomba banyak membantu menyelesaikan masalah rakyat.

Beliau berkata demikian sempena hari menghargai jasa-jasa anggota Bomba dalam program jamuan makan sempena Hari Bomba peringkat Gombak.

Program tersebut diadakan di balai Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang. Turut serta pejabat Zon Hulu Selangor, Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia, Balai Bomba & Penyelamat Selayang, Balai Bomba & Penyelamat Gombak Selatan, Pasukan Bomba Sukarela Kampung Simpang 3 Gombak, Pasukan Bomba dan Penyelamat Sukarela Kepong Selangor dan pasukan Bomba Sukarela Kepong & Batu, Kuala Lumpur.

Majlis itu kali pertama bagi peringkat Dun Gombak Setia yang dianjurkan oleh Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat Dun Gombak

Setia sebagai menghargai pengorbanan pihak Bomba.

Beliau berpuas hati dengan bantuan daripada anggota Bomba ketika memadamkan kebakaran dan menyelamatkan nyawa di beberapa siri-siri bencana kebakaran.

“Terima kasih kepada anggota Bomba yang memadamkan kebakaran ketika berlaku di Gombak Setia termasuk kebakaran hutan Batu Kapur Bukit Batu Caves, baru-baru ini,” katanya.

Beliau berkata, Pegawai Bomba Kanan (PBK 11) Selayang, Harun Saili memuji sikap Adun Gombak Setia yang sentiasa turun padang dan menjadi orang pertama sampai ke tempat kejadian.

“Hasbullah cepat berada di tempat kejadian untuk mendapatkan maklumat dan perkembangan ketika berlaku di mana-mana kebakaran di kawasan Gombak,” katanya.

Harun yang mewakili anggota Bomba Gombak terharu dengan penghargaan daripada Hasbullah terhadap Jabatan Bomba.

“Ustaz Hasbullah sentiasa membantu menyalurkan bantuan dari segi peruntukkan jamuan untuk para petugas, tempat penginapan sementara bagi mangsa kebakaran atau bencana” katanya.

Ustaz Hasbullah turut menyampaikan cenderhati sebagai ingatan kepada anggota Bomba.



23 May 2016  
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N20  
Printed Size: 46.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white  
Ad Value: MYR 322.44 • PR value: MYR 967.32 • Item ID: MY0026082881

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

## Muslimat sedia hadapi PRK Sg Besar

**SUNGAI BESAR:** Jentera Pilihan raya Muslimat PAS Selangor menyokong penuh dan wala' dengan pendirian Jawatankuasa PAS Pusat untuk PAS bertanding di kerusi parlimen Sungai Besar.

Ketua Dewan Muslimat PAS Selangor, Wan Hasrina Wan Hassan berkata, jentera Muslimat PAS di seluruh Selangor sudah siapsiaga dan bersedia un-

tuk turun berkhidmat untuk mendekati masyarakat dan pengundi.

